**LATIHAN BAHASA MELAYU MENENGAH RENDAH**

Jawab soalan-soalan berikut.

1. " Saya berharap ……………………… sekeluarga dalam keadaan sihat sejahtera," kata Imran kepada rakan baiknya , Emir.
A. dia C. kalian
B. kami D. mereka

2. Beberapa buah rumah telah ……………pokok semasa ribut melanda di kawasan itu malam tadi.
A. dihempap C. dihempas
B. ditindih D. dihimpit

3. Kakak ……………………… air menggunakan cerek yang baru dibelinya.
A. merebus C. mengukur
B. memasak D.menjerang

4. Perjumpan Persatuan Alumni SMK Denai ……………………… sehingga suatu tarikh yang akan di beritahu kelak.
A. dimatikan C. dihentikan
B. ditangguhkan D. dibubarkan

5. Guru yang berpindah dari Sarawak itu …………………. dengan senyuman.
A. subur C. penuh
B. murah D. mewah

6. " Sila lekatkan setem …………..sebelah kanan sampul surat kamu," kata posmen itu kepada Siti.
A. kepada C. atas
B. ke D. di

7. Lokman terkial- kial mengait buah rambutan kerana pokok itu tinggi ………….
A. menggunung C. melambung
B. melangit D. meninggi

8. Ayah ………………….ranting pokok bunga di halaman rumah.
A. menebas C. mengerat
B. mencantas D. menebang

9. Kapal terbang itu terpaksa membuat pusingan di udara kerana sukar untuk ……………..akibat tiupan angin kuat.
A. berhenti C. berlabuh
B. menyinggah D. mendarat

10. Pengemis tua itu tertidur ………….lengan kerana keletihan membersihkan kawasan surau lama itu.
A. bersandarkan C. berbantalkan
B. bertilamkan D. beralaskan

LIVEWORKSHEETS